SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2024 Perakaunan Semester 1 Pahang

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Perakaunan

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Urus niaga yang telah berlaku sepanjang bulan November 2023 adalah seperti yang berikut :

Tarikh	Urus niaga
1 November	Membeli inventori perhiasan rumah secara kredit berjumlah RM5,000 daripada Syarikat Chengal Berhad yang diterima dengan syarat kredit ialah 2/10, n/30
4 November	Memulangkan inventori perhiasan rumah yang tidak menepati kualiti bernilai RM250 kepada Syarikat Chengal Berhad bagi belian pada 1 November
6 November	Menerbitkan nota belum bayar 8% bagi tempoh enam bulan bernilai RM9,000 sebagai penjelasan baki hutang kepada Syarikat Merbok Berhad bagi pembelian inventori pada 6 November 2022. Syarat kredit yang diterima ialah 2/10, n/30
9 November	Menerima bayaran berjumlah RM4,000 daripada Syarikat Buluh Emas Berhad bagi tempahan yang akan disiapkan dalam tempoh satu bulan dari tarikh tempahan
10 November	Menjelaskan baki Syarikat Chengal Berhad untuk urus niaga pada 1 November
25 November	Menghantar perabot yang ditempah khas dan telah dijelaskan bayarannya berjumlah RM6,000 bulan September 2023
30 November	Mengakru faedah atas nota belum bayar untuk bulan November 2023

Dikehendaki :

(i) Sediakan catatan jurnal untuk merekodkan urus niaga di atas [11]

(ii) Sediakan petikan bahagian liabiliti dalam Penyata Kedudukan Kewangan Perniagaan Sofia Enterprise pada 30 November 2023 [6]

4 (*a*) Antara masalah dalam catatan tidak lengkap adalah untuk menentukan jumlah belian dan jumlah jualan .Jelaskan bagaimana jumlah belian dan jumlah jualan itu ditentukan . [4]

(*b*) Pak Harun telah memulakan perniagaan servis pendingin udara pada 1 Julai 2021 dengan membuka Kedai Dora Dingin . Bagi memulakan perniagaan , beliau telah menyumbangkan van persendiriannya yang bernilai RM 60,000 untuk kegunaan perniagaan . Selepas setahun perniagaan , iaitu pada 1 Julai 2022 , beliau telah memberikan maklumat yang berikut .

(1) Ringkasan akaun bank pada 30 Jun 2023 adalah seperti yang berikut .

Akaun Bank

Tarikh	**Perkara**	**Debit RM**	**Kredit RM**
1 Julai 2022	Modal	80,000	
30 Jun 2023	Deposit utiliti		6,000
	Caj perkhidmatan	178,100	
	Akaun belum terima	121,260	
	Deposit sewa		5,400
	Pelbagai		350,460
	Baki h/b		17,500
		379,360	379,360

(2) Di samping servis pendingin udara , Pak Harun juga membaik pulih pendingin udara yang telah dihapus kira oleh pelanggannya. Pendingin udara tersebut diperoleh secara percuma .Beberapa pendingin udara terpakai yang dibaik pulih telah dijual secara tunai dengan harga RM 4,000 . Kos alat ganti bagi membaiki pendingin hawa tersebut ialah RM 2,000 . Kesemua urus niaga tidak dicatat .

(3) Sepanjang tempoh sehingga 30 Jun 2023 , terdapat juga caj perkhidmatan yang dikutip secara tunai . Sebahagian daripada kutipan tersebut telah digunakan untuk perkara-perkara yang berikut sebelum dibankkan .

(i) Membayar belanja utiliti sebanyak RM 6,840 .

(ii) Ambilan dan gaji pekerja sebanyak RM 6,000 sebulan .

(4) Salah satu pendingin udara terpakai yang telah dijual pada harga RM 1,100 telah dipulangkan oleh pembeli dan wangnya dikembalikan oleh Pak Harun . Pendingin udara terpakai itu diambil oleh Pak Harun untuk kegunaan sendiri . Kos membaiki pendingin udara itu ialah RM 380. Tiada catatan yang dibuat bagi semua urus niaga tersebut .

(5) Pelbagai dalam akaun bank mewakili

(i) bayaran pendahuluan untuk pembelian peralatan, perkakasan dan kelengkapan ,

(ii) bayaran sewa bulanan RM 1,000 sebulan ,

(iii) pembelian mesin daftar tunai sebanyak RM 5,000 pada julai 2022 .

(iv) bayaran kepada pembekal barang alat ganti ,

(6) Sebanyak RM 43,600 telah dikenal pasti sebagai gaji untuk tiga orang pembantunya .

(7) Pak Harun seorang yang berpengalaman dalam perniagaan . Justeru, beliau telah menetapkan perkara yang berikut .

(i) Caj perkhidmatan yang dikenakan kepada pelanggannya merangkumi kos alat ganti ditambah dengan upah servis sebanyak RM 60 bagi setiap unit pendingin udara , Jumlah pendingin udara yang diservis sehingga 30 Jun 2023 ialah 2,500 unit .

(ii) Susut nilai ditetapkan seperti yang berikut .

Kenderaan , 20% setahun atas kos

Aset-aset lain , 10% setahun atas kos

(iii) Sebanyak 5% daripada baki akaun belum terima pada 30 Jun 2023 dijangka gagal dijelaskan .

(8) Baki-baki pada 30 Jun 2023 adalah seperti yang berikut .

	RM
Inventori	53,400
Akaun belum terima	61,500
Akaun belum bayar	67,140

Dikehendaki :

(i) Sediakan penyata pendapatan komprehensif bagi tahun berakhir 30 Jun 2023. [12]

(ii) Sediakan penyata untuk menghitung aset semsa bersih . [4]

5 (*a*) Jelaskan **dua** kepentingan kawalan dalaman dan terangkan tatacara yang betul mengikut urutan sebelum sesuatu pembayaran invois diluluskan. [7]

(*b*) Bagi setiap aktiviti yang berikut, nyatakan dua dokumen perniagaan yang terlibat untuk digunakan bagi tujuan kawalan dalaman

(i) Penerimaan tunai [1]
(ii)Pembayaran tunai [1]
(iii) Pembelian [1]
(iv) Penjualan [1]
(v) Pergerakan inventori [1]

(c) Restoran Claypot Temerloh menyediakan pelbagai hidangan mengikut pesanan pelanggan dengan menu utamanya ikan patin tempoyak. Pelanggan menulis setiap pesanan pada tiket jualan yang bernombor siri. Pelayan kemudian memberikan tiket jualan itu kepada pekerja di dapur yang menggunakannya untuk menyediakan makanan dan minuman yang dipesan. Semasa pelanggan menikmati hidangan, pelayan menulis harga pada tiket jualan mengikut harga tiket jualan itu dalam kad menu dan meninggalkan di atas meja pelanggan. Sebelum meninggalkan restoran, pelanggan menyerahkan tiket jualan dan menjelaskan bayaran kepada juru wang. Juru wang mengesahkan harga yang tertulis pada tiket jualan, merekodkan jualan dengan menggunakan mesin daftar tunai dan memulangkan baki wang kepada pelanggan. Pengurus restoran mengawas operasi keseluruhan restoran. Dari semasa ke semasa, pengurus memastikan bahawa semua tiket jualan yang dikeluarkan oleh pelayan telah dikutip oleh juru wang. Pengurus juga menjumlahkan keseluruhan jualan berdasarkan harga yang tertulis pada tiket jualan itu. Seterusnya, pengurus mengira wang tunai yang diterima dan membandingkannya dengan jumlah yang ditunjukkan pada mesin daftar tunai dan jumlah yang diperolehi daripada tiket jualan.

Dikehendaki :
Bagi setiap perkara yang perlu dielakkan di bawah, kenalpasti satu unsur kawalan dalaman yang terlibat dan jelaskan tatacara yang diamalkan oleh Restoran Claypot Temerloh.

(i) Pelayan memberikan makanan secara percuma kepada ahli keluarga dan kawannya tanpa mengeluarkan tiket jualan [2]
(ii) Pelayan mengenakan harga yang rendah kepada pelanggan yang tertentu [2]
(iii) Pelayan mengutip bayaran daripada pelanggan dan menyimpan wang tunai yang diperoleh untuk kegunaan peribadi [2]
(iv) Juru wang mengambil sebahagian daripada bayaran yang dibuat oleh pelanggan dengan cara memasukkan nilai jualan yang rendah dalam mesin daftar tunai. [2]

KERTAS SOALAN TAMAT

3 (a)

Bil	Liabiliti Belum Bayar	Liabiliti Terima Terdahulu
1.	Belanja yang telah dikenakan tetapi belum dijelaskan bayaran pada hari perimbangan/	Hasil tahun perakaunan depan yang telah diterima terlebih dahulu pada hari perimbangan/
2.	Liabiliti belum bayar mesti ditambah kepada belanja semasa kerana ia merupakan sebahagian belanja semasa yang belum dibayar /	Mesti ditolak dari hasil semasa sebab ia merupakan hasil tahun perakaunan depan yang telah dibayar terlebih dahulu pada tahun perakaunan ini/
3.	Contoh Kadar bayaran belum bayar, gaji belum bayar/	Contoh Komisen diterima terdahulu, sewa diterima terdahulu/

[6 x ½ =3 m]

(b) (i) Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit(RM)	Kredit(RM)
Nov 1	Dt Belian Kt Syarikat Chengal Berhad (Beli stok secara kredit)	5000/	 5000/
4	Dt Syarikat Chengal Berhad Kt Pulangan Keluar/Belian (Mencatat pulangan keluar)	250/	 250/
6	Dt Belian Kt Syarikat Merbok Berhad (Mencatat belian secara kredit) Dt Syarikat Merbok Berhad Kt Nota Belum Bayar (Mencatat nota belum bayar)	9,000/ 9,000/	 9,000/ 9,000/
9	Dt Tunai Kt Syarikat Buluh Emas Berhad (Terima wang dari akaun belum terima)	4000/	 4000/
10 V1	Dt Syarikat Chengal Berhad Kt Tunai [0.98 X (5000-250)] (Bayar akaun belum bayar dan terima diskaun)	4750///	 4750///

4 (a) - Mengenalpasti baki b/b dan baki h/b akaun belum terima /
- Mengenalpasti kutipan tunai / bank daripada ABT /
- Mengumpulkan maklumat pulangan jualan , diskaun diberi ,hutang lapuk,,kontra dll daripad ABT /
- Dapatkan jumlah jualan kredit dan dapatkan jumlah jualan selepas mengambil kira jualan tunai / [4 x ½ = 2]

- Mengenalpasti baki b/b dan baki h/b akaun belum bayar /
- Mengenalpasti bayaran tunai / bank kepada akaun belum terima /
- Mengumpulkan maklumat pulangan belian , diskaun diterima ,kontra dll /
- Dapatkan jumlah belian kredit dan dapatkan jumlah belian selepas mengambil kira belian tunai / [4 x ½ =2]

(b) i. Kedai Dora Dingin
Penyata Pendapatan Komprehensif bagi tahun berakhir 30 Jun 2023

	RM	RM
Caj perkhidmatan		439,700 /////
Jualan pendingin udara		4,000 /
- Pulangan jualan		1,100
		442,600
Tolak kos jualan		
Belian alat ganti (345,100 – 380)	344,720 /////	
- Inventori akhir	53,400	
Kos jualan		291,320
Untung kasar		151,280
- Belanja		
Belanja utiliti	6,840 /	
Gaji pekerja	43,600 /	
Belanja sewa (1,000 x 12)	12,000 //	
BSN kenderaan (60,000 x 20%)	12,000 //	
BSN daftar tunai (5,000x10%)	500 //	
BSN peralatan ,perkakasan dan kelengkapan	5,550 ///	
Belanja hutang lapuk (61,500 x 5%)	3,075 //	83,565
Untung bersih		67,715

[24 x ½ = 12m]

- BSN peralatan ..
  = (350,460-12,000-5,000-277,960) x 10%

(ii) Kedai Bayu Dingin
Penyata menghitung asset semasa bersih

	RM	RM	RM
Aset semasa			
Tunai (4,000 – 1,100)		2,900//	
Depositi utiliti		6,000/	
Deposit sewa		5,400/	
Akaun belum terima	61,500/		
- PHR	3,075/	58,425	
Inventori		53,400/	
Bank		17,500/	
		143,625	
- Liabiliti semasa			
Akaun belum bayar		67,140	
Aset semasa bersih			76,485

[8 x ½ = 4]

Jalan kerja

Penyata menghitung jualan kredit

	RM
Kutipan ABT	121,260 /
Baki h/b	61,500 /
Jualan kredit	182,760

Penyata menghitung jumlah jualan

	RM
Jualan kredit	182,760
Caj perkhidmatan	178,100 /
Belanja utility	6,840 /
Ambilan dan gaji pekerja	72,000 (6,000 x 12) /
Jumlah Jualan	439,700

Penyata menghitung kos belian alat ganti /belian

	RM
Jualan	439,700 /
Servis (60 x 2,500)	150,000 /
Kos alat digunakan	289,700
Kos alat ganti	2,000/
Inventori alat	53,400 /
Belian /kos belian alat ganti	345,100
Belian / kos belian alat ganti	345,100
- Baki ABB	67,140
Alat dibayar	277,960

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Perakaunan

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar